

SULIT



NAMA: .....

KELAS: .....

**MODUL PINTAS PERCUBAAN SPM 2024**  
**PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5**  
**Kertas 1**

**3756/1**

1 1/4 jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

---

[Kertas Soalan ini mengandungi **15** halaman bercetak]

SULIT

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan kod etika dalam profesion perakaunan.

Akauntan tidak boleh bersikap berat sebelah dan tidak mudah terpengaruh oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

Apakah kod etika yang menepati pernyataan tersebut?

- A Integriti
- B Objektiviti
- C Kerahsiaan
- D Kompetensi

- 2 Pada tahun kewangan 2022, Perniagaan Adiba telah merekod mesin yang dibeli pada tahun 2020 dengan harga RM10 000 walaupun harga pasaran ialah RM8 000.

Apakah prinsip perakaunan yang digunakan?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Wang sebagai ukuran
- C Prinsip kos
- D Ketekalan

- 3 Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah perniagaan.

- Liabiliti tidak terhad.
- Cukai pendapatan individu dikenakan ke atas pemilik.
- Untung atau rugi perniagaan ditanggung pemilik sepenuhnya.

Entiti perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri perniagaan di atas?

- A Syarikat Berhad
- B Milikan Tunggal
- C Perkongsian
- D Koperasi

- 4 Berikut ialah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi Perniagaan Seri Bayu pada 31 Disember 2023.

	<b>RM</b>
Modal pada 1 Januari 2023	20 000
Alatan pejabat	8 000
Kenderaan	15 000
Akaun belum terima	2 500
Akaun belum bayar	2 600
Inventori pada 31 Disember 2023	1 800
Bank	3 300
Untung bersih	8 000

Berapakah aset bukan semasa bagi perniagaan tersebut?

- A RM7 600  
 B RM10 200  
 C RM23 000  
 D RM30 600
- 5 Semua persamaan perakaunan berikut adalah betul **kecuali**

- A Aset = Liabiliti + Modal + Untung Bersih  
 B Aset = Liabiliti + Modal - Rugi Bersih  
 C Aset = Liabiliti + Modal + Ambilan  
 D Aset = Liabiliti + Modal

- 6 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Bagong Sdn Bhd.

Barang niaga pada harga kos RM2 860 dijual secara kredit pada harga RM3 330.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas aset dan ekuiti pemilik?

	<b>Aset</b>		<b>Ekuiti Pemilik</b>
	<b>Inventori</b>	<b>Akaun Belum Terima</b>	<b>Modal</b>
<b>A</b>	Berkurang	Bertambah	Bertambah
<b>B</b>	Berkurang	Bertambah	Berkurang
<b>C</b>	Bertambah	Berkurang	Berkurang
<b>D</b>	Bertambah	Bertambah	Berkurang

- 7 Berikut merupakan kegunaan dokumen perniagaan dalam sesebuah perniagaan **kecuali**

- A Sebagai bukti bertulis tentang berlakunya sesuatu urus niaga.  
 B Sebagai peringatan kepada peniaga tentang hutang yang perlu dijelaskan.  
 C Sebagai rujukan pemeriksaan taksiran cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.  
 D Sebagai rujukan utama penyediaan Penyata Kewangan perniagaan pada akhir tahun.

SULIT

- 8 Pada 30 Januari 2023, Encik Fauzi membeli barang niaga bernilai RM 1 800 daripada Perniagaan Pelangi dengan syarat 15% 10 hari, 10% 15 hari. Berapakah hutang yang perlu dibayar pada 16 Februari 2023.
- A RM1 350  
B RM1 530  
C RM1 620  
D RM1 800
- 9 Aini memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM5 000 dan kenderaan RM7 000. Apakah Buku Catatan Pertama yang sesuai untuk merekodkan urus niaga tersebut?
- A Jurnal Am  
B Jurnal Belian  
C Jurnal Pulangan Jualan  
D Jurnal Penerimaan Tunai
- 10 Antara berikut, urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am?
- I Angkutan keluar tersilap rekod sebagai angkutan masuk  
II Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga  
III Memulangkan barang niaga kepada pembekal  
IV Menjual barang niaga secara kredit
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan IV  
D III dan IV
- 11 Dokumen manakah yang menjadi sumber rekod Jurnal Jualan?
- A Memo  
B Invois (asal)  
C Nota debit (salinan)  
D Nota kredit (salinan)
- 12 Urus niaga manakah yang direkod di dalam Buku Tunai?
- I Terima cek daripada pelanggan sebanyak RM1 320  
II Hantar invois bernilai RM2 100 kepada Kedai Adam  
III Terima nota debit bernilai RM700 daripada Pembekal Sarimah  
IV Terima bil tunai bernilai RM680 daripada Perniagaan Bina Sejahtera
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

SULIT

**13** Antara berikut pembayaran yang manakah perlu direkodkan di dalam Buku Tunai Runcit?

- I Bayaran gaji
- II Belian perabot
- III Bayaran pos laju
- IV Belian akhbar dan majalah pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**14** Antara yang berikut, akaun manakah yang direkodkan dalam Lejar Subsidiari?

- I Akaun aset
- II Akaun hasil
- III Akaun belum bayar
- IV Akaun belum terima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**15** Urus niaga di bawah berlaku di dalam Perniagaan Faizah.

Pemilik perniagaan iaitu Cik Faizah membeli perabot yang berharga RM700 untuk kegunaan perniagaan dengan menggunakan wang tunai peribadi.

Apakah akaun yang perlu didebitkan semasa merekodkan urus niaga ini?

- A Akaun Tunai
- B Akaun Modal
- C Akaun Perabot
- D Akaun Belum Bayar

- 16 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Senang pada bulan Mei 2023.

	<b>RM</b>
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Mei 2023	7 070
Cek diterima daripada Akaun Belum Terima	8 500
Cek dipulangkan oleh bank kerana tak laku	2 350
Pindahan baki daripada Lejar belian ke Lejar Jualan	500
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Mei 2023	5 580

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM5 160  
 B RM7 860  
 C RM8 140  
 D RM10 840
- 17 Imbangan Duga di bawah diperolehi daripada Perniagaan Wahida.

**Perniagaan Wahida**  
**Imbangan Duga pada 31 Disember 2023**

<b>Butir</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pulangan	220	380
Diskaun	170	110

Berapakah nilai pulangan belian dan diskaun diberi?

	<b>Pulangan belian</b>	<b>Diskaun diberi</b>
<b>A</b>	RM220	RM170
<b>B</b>	RM220	RM110
<b>C</b>	RM380	RM170
<b>D</b>	RM380	RM110

- 18 Kad inventori berikut diperolehi daripada Kedai Permainan Aiman.

<b>No. Kad Inventori</b>	<b>Harga Kos</b>	<b>Harga Pasaran</b>
1	RM4 500	RM4 800
2	RM3 100	RM2 980
3	RM5 210	RM5 320
4	RM8 200	RM8 350

Berapakah nilai inventori pada 30 Jun 2023?

- A RM20 890  
 B RM21 010  
 C RM21 450  
 D RM21 570

SULIT

19 Butir manakah yang direkodkan di sebelah debit Akaun Untung Rugi.

- I Gaji
- II Sewa diterima
- III Hutang lapuk terpulih
- IV Faedah atas pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Maklumat berikut diambil daripada rekod perakaunan Perniagaan Hazimi Enterprise bagi tahun berakhir 30 September 2023.

	<b>RM</b>
Inventori awal	6 950
Inventori akhir	8 000
Jualan	66 500
Belian	42 000
Pulangan jualan	2 200
Upah atas belian	1 800

Berapakah untung kasar perniagaan tersebut?

- A RM13 550
- B RM19 450
- C RM21 550
- D RM28 500

21 Di bahagian manakah deposit sewa diterima direkodkan dalam Penyata Kewangan?

- A Hasil
- B Belanja
- C Aset semasa
- D Liabiliti semasa

- 22 Maklumat berikut diperolehi daripada Harmoni Trading pada 31 Disember 2023.

	RM
Gaji	3 000
Gaji prabayar	400

Catatan manakah yang betul?

**A**

Akaun Gaji			
	Bank	3 000	
		3 000	
	Gaji prabayar	400	
	Untung rugi	2 600	
		3 000	

**B**

Akaun Gaji			
	Bank	3 000	
	Gaji prabayar	400	
		3 400	
	Untung rugi	3 400	
		3 400	

**C**

Akaun Gaji			
	Gaji prabayar	400	
	Untung rugi	2 600	
		3 000	
	Bank	3 000	
		3 000	

**D**

Akaun Gaji			
	Untung rugi	3 400	
		3 400	
	Bank	3 000	
	Gaji prabayar	400	
		3 400	

- 23 Catatan bergu yang manakah digunakan untuk merekod Akaun Belum Terima yang tidak mampu membayar hutangnya?

	Debit	Kredit
<b>A</b>	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang Lapuk
<b>B</b>	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Terima
<b>C</b>	Akaun Belum Terima	Akaun Untung Rugi
<b>D</b>	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Terima



- 24 Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Kilang Besi Kulim.

	<b>RM</b>
Kos Jentera (1 Januari 2021)	35 000
Susut Nilai Terkumpul (31 Disember 2022)	12 600
Harga jualan Jentera (30 September 2023)	20 500

Kadar susut nilai 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

Apakah kesan pelupusan ke atas untung bersih pada 31 Disember 2023?

- A Berkurang RM2 580  
 B Berkurang RM1 460  
 C Bertambah RM2 580  
 D Bertambah RM1 460
- 25 Jualan barang niaga RM2 800 kepada Ainun telah didebitkan dalam Akaun Amira. Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

**A**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Ainun Jualan	2 800	2 800

**B**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Ainun Amira	2 800	2 800

**C**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Amira Jualan	2 800	2 800

**D**

<b>Jurnal Am</b>		
<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Amira Ainun	2 800	2 800

- 26 Pilih padanan yang betul bagi kegunaan nisbah berikut.

<b>Nisbah</b>	<b>Kegunaan</b>
<b>A</b> Kadar pusing ganti inventori	Mengukur kecekapan pengurusan inventori
<b>B</b> Pulangan atas modal	Mengukur kadar untung kasar atas setiap ringgit modal yang dilaburkan.
<b>C</b> Nisbah semasa	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang
<b>D</b> Tokokan	Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit kos jualan

- 27 Maklumat berikut diberikan oleh Tenaga Jaya Enterprise.

	<b>RM</b>
Kadar bayaran prabayar	300
Overdraf bank	1 500
Akaun Belum Terima	6 000

Berapakah nisbah semasa Tenaga Jaya Enterprise?

- A** 0.24: 1  
**B** 0.29: 1  
**C** 3.33: 1  
**D** 4.20: 1
- 28 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Zaleha dan Aisyah Trading.

	<u><b>Perniagaan Zaleha</b></u>	<u><b>Aisyah Trading</b></u>
Nisbah semasa	2.8: 1	1.8: 1
Pulangan atas modal	35%	48%
Kadar pusing ganti inventori	6 kali	3 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih pernyataan yang betul.

- A** Aisyah Trading lebih cekap menguruskan perniagaan berbanding Perniagaan Zaleha.  
**B** Pelabur luar lebih berminat untuk melabur dalam Aisyah Trading berbanding Perniagaan Zaleha.  
**C** Aisyah Trading tidak mampu untuk membayar hutang jangka pendek berbanding Perniagaan Zaleha.  
**D** Keupayaan Aisyah Trading membayar hutang jangka pendek adalah lebih tinggi berbanding Perniagaan Zaleha.
- 29 Berikut rumus sebuah perniagaan yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

$$X = \text{Jumlah Aset} - \text{Jumlah Liabiliti}$$

Apakah **X**?

- A** Modal  
**B** Modal kerja  
**C** Untung kasar  
**D** Untung bersih

- 30 Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perniagaan Rosemary yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Akaun Belum Bayar	3 200	5 800
Maklumat tambahan:		
(i) Pulangan belian RM500		
(ii) Pembayaran kepada pembekal RM4 200		

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM1 400  
 B RM2 400  
 C RM6 300  
 D RM7 300
- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Runcit Kwan Yen pada akhir bulan Januari 2024.

**Buku Tunai (Ruangan bank)**

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. cek	Jumlah
2024		RM	2024			
Jan 1	Baki b/b	13 600	Jan 3	Alysa & Co	04104	1 800
18	Stor Erika	670	30	Sewa	04105	1 700

**Penyata Bank**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2024		RM	RM	RM
Jan 1	Baki b/b			13 200
15	Cek 04100	4 700		8 500
20	Faedah		380	8 880
31	Cek 04105	1 700		7 180

Butiran manakah yang merupakan cek belum dikemukakan?

- A Sewa  
 B Faedah  
 C Stor Erika  
 D Alysa & Co

- 32 Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Kedai Buku Tharshini pada 31 Mac 2024.

<b>Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2024</b>	
	RM
<b>X</b>	(9 000)
+ Deposit belum dikreditkan :	
Sarah Dayana	3 000
	6 000
- Cek belum dikemukakan :	
Aliah	800
<b>Y</b>	5 200

Apakah X dan Y?

	<b>X</b>	<b>Y</b>
<b>A</b>	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
<b>B</b>	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
<b>C</b>	Baki kredit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
<b>D</b>	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai

- 33 Puan Joyah memulakan Pustaka Joyah pada bulan April 2023. Berikut ialah petikan anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 30 Jun 2023.

- (i) Puan Joyah membawa masuk cek RM30 000 ke dalam perniagaannya.
- (ii) Jualan tunai bagi bulan April berjumlah RM20 000 dan akan bertambah sebanyak 10% setiap bulan.
- (iii) Pada bulan Jun, sumbangan modal tambahan sebanyak RM8 000 diperoleh daripada ahli keluarga.

Berapakah jumlah penerimaan Pustaka Joyah bagi bulan April, Mei dan Jun 2023?

	<b>April RM</b>	<b>Mei RM</b>	<b>Jun RM</b>
<b>A</b>	50 000	22 000	32 200
<b>B</b>	50 000	22 000	8 000
<b>C</b>	30 000	22 000	32 200
<b>D</b>	30 000	20 000	8 000

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Ain dan Sofea pada 31 Disember 2023.

	<b>RM</b>
Faedah atas modal Ain	2 000
Faedah atas modal Sofea	4 000
Untung bersih	19 000

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut :

- (i) Gaji pekongsi Sofea RM3 000
- (ii) Kongsi untung atau rugi dibahagi sama rata

Berapakah untung yang diterima oleh pekongsi Sofea?

- A RM2 000
- B RM5 000
- C RM11 000
- D RM14 000

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian JiaFeng pada 30 April 2024.

	<b>RM</b>
Akaun Modal Jia	30 000
Akaun Modal Feng	30 000
Akaun Semasa Jia	2 570
Akaun Semasa Feng	350 (debit)

Catatan manakah tepat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bahagian Ekuiti Pemilik pada 30 April 2024?

**A**

<b>Ekuiti Pemilik</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Akaun Modal Jia	30 000	
Akaun Modal Feng	<u>30 000</u>	60 000
Akaun Semasa Jia	2 570	
Akaun Semasa Feng	<u>350</u>	2 920

**B**

<b>Ekuiti Pemilik</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Akaun Modal Jia	30 000	
Akaun Modal Feng	<u>30 000</u>	60 000
Akaun Semasa Jia	2 570	
Akaun Semasa Feng	<u>(350)</u>	2 220

**C**

<b>Ekuiti Pemilik</b>	<b>RM</b>
Akaun Modal	60 000
Akaun Semasa	2 920

**D**

<b>Ekuiti Pemilik</b>	<b>RM</b>
Akaun Modal	60 000
Akaun Semasa	2 220

- 36 Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara Syer Biasa dengan Syer Keutamaan.

	Syer Biasa	Syer Keutamaan
I	Kadar dividen tetap	Kadar dividen tidak tetap
II	Menerima dividen terkemudian	Menerima dividen terlebih dahulu
III	Ada tunggakan dividen	Tiada tunggakan dividen
IV	Pemegang syer berhak mengundi	Pemegang syer tidak berhak mengundi

Perbezaan manakah yang betul?

- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV
- 37 Syarikat Emy Berhad memiliki syer seperti berikut:

100 000 unit 10% syer keutamaan RM2.00 sesyer 200 000 unit syer biasa, RM1.50 sesyer
---

Pada tahun 2023, syarikat telah membuat agihan dividen seperti berikut:

Agihan Keuntungan	
Syer keutamaan RM20 000	Syer biasa RM60 000

Berapakah kadar dividen syer biasa yang diperuntukkan?

- A 10%  
 B 15%  
 C 20%  
 D 30%
- 38 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan yuran kelab dan persatuan.

Yuran tahun perakaunan lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa.
--

Apakah komponen yuran tersebut?

- A Yuran lapuk  
 B Yuran semasa  
 C Yuran belum terima  
 D Yuran belum terperoleh

- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Renang Kuantan yang menjalankan aktiviti berbentuk pertandingan dan perkhidmatan restoran untuk para ahlinya.

**Kelab Renang Kuantan**  
**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023**

	RM		RM
Elektrik dan air	300	Yuran ahli	19 500
Gaji	7 400	<b>X</b>	4 580
Sewa	2 300		

Apakah **X**?

- A Lebihan
- B Honorarium
- C Untung restoran
- D Hadiah dan piala

- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kilang Biskut Umairah?

<b>Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2024</b>	
	RM
<b>Kos V</b>	50 000
<b>Kos W</b>	<u>8 000</u>
Kos Prima	<u>58 000</u>

Apakah **Kos V** dan **Kos W**

	<b>Kos V</b>	<b>Kos W</b>
<b>A</b>	Bahan langsung	Overhed
<b>B</b>	Buruh langsung	Overhed
<b>C</b>	Overhed	Belanja langsung
<b>D</b>	Bahan langsung	Buruh langsung

**KERTAS SOALAN TAMAT**